HARIMAU DALAM BAHAYA


© DWNP

Kini terdapat kurang dari 3000 ekor harimau di seluruh dunia.

Pada 1950an terdapat kira-kira 3000 ekor harimau di Malaysia, namun hanya tinggal 500 ekor kini. 3 sub-spesies; Harimau Bali, Jawa dan Kaspia telah pupus pada abad lalu, manakala Harimau China Selatan kini diambang kepupusan.

Harimau Malaya adalah satu daripada enam sub-spesies yang masih wujud. Ancaman utama adalah pemburuan haram, kehilangan habitat, pemburuan spesies mangsa yang berlebihan, serta dibunuh kesan dari konflik dengan manusia. Harimau di seluruh dunia telah kehilangan 93% daripada habitat asal, dan 97% daripada keseluruhan populasi asal.


© DWNP

© WWF-Indonesia

© Suzalinur Monja Bidin / MYCAT

Harimau diancam

Sesetengah daripada masyarakat kita percaya terhadap amalan memakan daging atau ubat daripada bahagian badan harimau yang akan menjadikan mereka lebih sihat dan kuat. Ada juga yang percaya kepada kuasa ajaib yang terkandung pada bahagian-bahagian tertentu, justeru dijadikan tangkal atau perhiasan.

Manusia turut bersaing dengan harimau untuk memburu spesies mangsa seperti rusa dan babi hutan. Pemburuan haram yang tidak terkawal ini menghadkan makanan harimau. Kekurangan makanan mungkin mendorong harimau untuk menyerang ternakan. Ini membawa kepada konflik manusia-harimau yang akan merugikan penternak selain menyebabkan penduduk hidup dalam ketakutan.

Adakalanya, manusia turut diserang, mengakibatkan kematian atau kecederaan. Jika harimau tersebut ditangkap, ia mungkin dibunuh oleh penduduk atau dihantar ke Zoo oleh pihak berkuasa.

Kemusnahan hutan juga sangat membimbangkan kerana hutan penting bagi kemandirian harimau. Harimau memerlukan hutan yang besar dan bersambungan. Namun, hutan dibuka untuk pertanian, lebuh raya, penempatan manusia dan lain-lain. Daripada keseluruhan hutan hujan di semenanjung, kurang dari 4% adalah hutan dara.

AMBIL TINDAKAN!

- Kenali harimau daripada sumber yang dipercayai dan berkongsi dengan rakan dan keluarga.
- Daftar untuk mendapatkan berita harimau di http://groups.yahoo.com/group/malaysian_cat/
- Sertai dan bantu organisasi pemuliharaan seperti Persatuan Pencinta Alam atau WWF-Malaysia.
- Utarakan pendapat anda kepada media dan pihak berkuasa terhadap isu berkaitan seperti pembangunan sembarangan, pembalakan dan pemburuan haram.
- Jangan memakan daging harimau, atau daging rusa liar dan babi hutan (makanan utama harimau). Hindari restoran yang menghidangkan daging hdupan liar.
- Gunakan alternatif herba sebagai ganti kepada ubat-ubatan yang dikatakan diperbuat daripada harimau atau hidupan liar terancam lain.
- Hantarkan SMS untuk melaporkan sebarang jenayah terhadap harimau dan mangsanya ke talian Hotline Harimau di 019 3564 194.

Kepupusan adalah selamanya. Yang pupus tidak akan kembali.

TRAFFIC the wildlife trade monitoring network

THE NATIONAL FISH AND WILDLIFE FOUNDATION SAVE THE TIGER FUND

MYCAT Malaysian Conservation Alliance for Tigers